



Hubungi :
Kumprinx
admin@kumprinx.com

SEBARAN MEDIA

Pelancaran Segmen Baru ‘Petik Politik Bersama Kumprinx’

Kuala Lipis, Pahang 9 Mac 2008 – Pyrokumprinx Advance Media hari ini telah melancarkan sebuah segmen baru dalam laman webnya (<http://www.kumprinx.com>) yang dikenali sebagai ‘**Petik Politik Bersama Kumprinx**’. Ekoran daripada beberapa perubahan besar hasil daripada Pilihanraya Umum Kali Ke12 yang diadakan baru-baru ini, Kumprinx terpanggil untuk menyediakan segmen baru ini sebagai satu saluran buat pembaca untuk melihat pergolakan politik masa kini dari sudut perspektif rockers.

Segmen baru ini akan mengulas perkembangan politik dari masa ke semasa melalui teknik persembahan dan laporan yang unik dan diwarnai dengan ‘WTF Moment’.

Pyrokumprinx Advance Media percaya bahawa citizen journalism adalah satu kuasa baru dalam penyebaran maklumat yang memiliki potensi yang sangat besar. Diharapkan agar dengan pelancaran segmen baru ini, pembaca-pembaca akan dapat menggunakannya sebagai saluran alternatif bagi komentar dan analisa politik semasa. Pengguna juga digalakkan agar memberikan komentar dan pandangan mereka.

#####

Profil Syarikat

Pyrokumprinx Advance Media (CA-0123228-P) mula beroperasi seawal 1998 dengan publikasi underground dan kini telah berkembang ke pelbagai bidang seperti percetakan, event management, publishing dan lain-lain. Berkonsepkan ‘single action army’, kini Pyrokumprinx Advance Media lebih agresif dalam meneroka konsep baru dan terus menyediakan perkhidmatan terbaik untuk anda. Untuk maklumat lanjut, sila lawati <http://www.kumprinx.com>